

24 DEC 2002

MAHATHIR-KDNK/I

KDNK BAGI 2003 AKAN SERUPA DENGAN 2002, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 24 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau menjangka pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi tahun depan adalah di antara empat hingga lima peratus.

"Kita harus dapat mencapai sasaran ini (dalam 2003) yang serupa dengan tahun ini tetapi ia mungkin lebih tinggi," perdana menteri memberitahu pemberita selepas melancarkan "CNC Machine-Master CNC 10HVA" di pusat pengeluaran CNC di Taman Teknologi di Bukit Jalil di sini pagi ini.

Apabila ditanya sama ada jangkaan beliau bagi 2003 menunjukkan angka KDNK yang dikaji semula daripada ramalan KDNK rasmi lebih awal sehingga enam peratus bagi 2003, Dr Mahathir berkata, "saya sentiasa bersikap amat konservatif."

Beliau menjelaskan bahawa angka pertumbuhan bagi 2002 adalah berdasarkan kepada prestasi ekonomi 2001 dan begitu juga angka pertumbuhan 2003 juga akan berdasarkan kepada prestasi 2002.

"Tahun lalu (2001) adalah buruk, jika tahun ini kita perprestasi baik untuk meningkat (ia masih) menjadi amat sukar," tambahnya.

Menyebut contoh langkah yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk merangsang seterusnya ekonomi, Dr Mahathir berkata ia telah menimbangkan beberapa strategi untuk merangsang pertumbuhan tetapi beliau enggan mengulas lebih lanjut.

"Kerajaan sedang melakukan banyak perkara, sesetengah daripada perkara yang adalah sebahagian daripada strategi kerajaan dan kita tidak mahu mendedahkannya kepada orang ramai.

"Kita boleh merangsang ekonomi, jadi anda perlu mempercayai kerajaan," katanya.

Dr Mahathir berkata bahawa kebimbangan terhadap ramalan masa depan yang lebih lemah bagi Singapura tidak harus diguna pakai kepada Malaysia memandangkan kedua-dua negara menghadapi masalah yang berbeza.

Kepada satu soalan, Dr Mahathir berkata Malaysia tiada tanggung jawab atau perhubungan dengan Tabung Matawang Antarabangsa (IMF) dan ia adalah bebas sepenuhnya untuk memutuskan mengenai sebarang dasar yang disukainya.

IMF sebelum ini menyarankan agar Malaysia harus mempunyai langkah yang disediakan dengan berhati-hati ke arah regim kadar tukaran wang yang lebih fleksibel kerana ini akan meluaskan pilihan Malaysia dalam jangka sederhana dan membolehkan negara menangani kejutan masa depan dan menguruskan risiko-risiko yang berkaitan dengan aliran modal.

"Isu (keanjalan) itu seolah-olah mengganggu IMF. Saya fikir mereka patut tidak menyatakan pendapat mereka, mereka tidak pernah pula membantu kita.

"Sekiranya kita mengikuti kata mereka, kita mungkin terjerumus. Kita lakukan perkara mengikut cara kita sendiri dan kita boleh memutuskan bila kita mahu bersikap fleksibel atau tidak," katanya. -- BERNAMA

WNZ/ERE KTC OS